

30 MAY 1998

Mahathir-Krisis

KRISIS KEWANGAN MEMBUATKAN MALAYSIA LEBIH BERKEYAKINAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata krisis kewangan serantau telah menjadikan rakyat negara ini lebih kuat dari segi keyakinan, keberanian, dedikasi dan semangat mahu menentang "musuh" secara "berdepan".

"Musuh yang saya maksudkan ialah krisis yang melanda rantau ini," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung ke-45 MCA di Wisma MCA hari ini.

"Tidak guna kita merungut tetapi tidak membuat sesuatu yang dapat membantu diri sendiri atau negara mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekarang," kata Perdana Menteri.

Krisis kewangan serantau yang bermula dengan apungan mata wang baht Thai, Julai lepas akibat serangan spekulator mata wang turut menjejaskan Malaysia hingga nilai ringgit merosot sebanyak 50 peratus.

Dr Mahathir berkata apa yang berlaku bukanlah kerana perbuatan negara yang kononnya salah, iaitu perbuatan kerajaan ataupun rakyat tetapi keadaan itu disebabkan oleh segelintir manusia yang tamak dan sanggup memusnahkan negara yang sedang membangun.

"Saya masih dapat bersyukur dan berbangga kerana rakyat di negara ini menunjukkan semangat kental, sanggup mengetepikan kepentingan diri dan memberi sokongan padu kepada kerajaan untuk sama-sama mengatasi masalah kegawatan ekonomi negara," kata Dr Mahathir yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Para pemimpin parti-parti komponen BN turut menghadiri majlis itu.

Perdana Menteri berkata banyak perkara boleh dibuat yang dapat mengurangkan tekanan sara hidup yang meningkat terhadap rakyat.

Antaranya mengamalkan penggunaan barangan tempatan, berbelanja secara bijak dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir. Selain itu mereka perlu mengukuhkan perpaduan, tingkatkan produktiviti dan simpanan serta daya saing negara.

Ini adalah masa bagi rakyat menunjukkan kemampuan negara menghadapi masalah secara rasional, sistematik dan praktikal, katanya.

"Jika itu yang dikehendaki oleh negara-negara maju yang mengagungkan "market forces" atau konsep seperti globalisasi dan liberalisasi, maka pendekatan untuk mengatasi masalah-masalah ini ialah dengan cara tertentu kita," katanya.

Beliau juga berkata kempen membeli barangan tempatan harus diteruskan kerana ia akan mengurangkan aliran keluar wang negara di samping memajukan industri tempatan.

Perdana Menteri berkata negara tidak akan rugi kerana barang tempatan sekarang adalah setaraf dengan mutu barangan yang sama dunia.

"Kita bekalkan dunia dengan barangan bermutu. Kini kita harus membeli barangan bermutu kita sendiri untuk membantu memulihkan perniagaan kita," katanya.

Beliau mengucapkan syabas kepada MCA kerana mengadakan kempen membeli barangan tempatan yang merupakan satu daripada beberapa program parti itu untuk membantu anggota dan rakyat umumnya supaya tekanan ekonomi yang menimpa Malaysia dapat dikurangkan.

"Usaha -usaha untuk mengutip derma bagi tabung-tabung tertentu dapat membantu negara dalam usaha membendung tekanan terhadap kewangan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata sebenarnya kekayaan ada pada negara tetapi ia tidak

digunakan kerana kegunaannya tidak perlu.

"Kekayaan yang saya maksudkan ialah simpanan wang dan harta benda terutama barangan kemas yang tidak memberikan apa-apa hasil kepada kita. Kekayaan tersimpan ini perlulah digerakkan untuk menjadi modal negara dan digunakan oleh peniaga dan pengusaha sebagai jaminan yang boleh menolong membangunkan semula kegiatan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan memastikan keamanan dipelihara menerusi dasar-dasar bagi menjamin keharmonian kaum di negara ini.

Formula yang digunakan adalah mudah iaitu semua kaum mestilah sama-sama membangun supaya kekayaan negara dibahagi secara adil.

"Di masa yang sama kita tidak akan mengambil harta kekayaan mana-mana kaum untuk diberikan kepada kaum tertentu.

"Kita akan mewujudkan kekayaan yang baru untuk diberikan kepada kaum yang tertinggal supaya semua kaum akan merasa puashati dan tidak teraniaya," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON